

# Ijazah bukti kesungguhan pelajar di menara gading

UB 07.10.2011 B3

**S**EGULUNG ijazah yang diterima adalah bukti kesungguhan dan permulaan kepada satu perjalanan yang baru dalam hidup para graduan. Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampa menyeru graduan supaya sentiasa mempertingkatkan jati diri serta kemahiran yang dimiliki selaras dengan keperluan cabaran pada masa depan.

Beliau percaya graduan telah melalui pelbagai cabaran serta dugaan dalam tempoh pengajian di UMS dan berharap cabaran itu akan menjadikan mereka lebih matang dalam menilai erti kehidupan yang sebenar.

Katanya, tidak ada satu formula yang mudah untuk berjaya dalam hidup kerana setiap individu bertanggungjawab menentukan kecemerlangan kerjayanya sendiri.

“Graduan harus yakin dengan keupayaan dan



**KENANGAN...Samantha (empat dari kanan), Looi Rene (kanan) dan Lai Wai Yen (tiga kiri) bersama Prof Dr Shariff (tiga kanan), Mohd Akbal (dua kiri), M Nor (empat kiri), Dr Norazah (dua kanan) dan Dr Ag Asri (kiri) pada Majlis Penghargaan Graduan UMS-KAL 2011.**

kemahiran yang telah diperolehi. Keyakinan diri amat penting dalam mengharungi cabaran-cabaran yang jauh lebih getir berbanding apa yang telah dilalui di universiti,” katanya.

Beliau berkata demikian

ketika berucap pada Majlis Penghargaan Graduan (MPG) 2011 UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, baru-baru ini. Teks ucapan beliau dibacakan Pengarah UMS-

KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Kamaruzaman berkata, UMS-KAL telah menerima peruntukan sebanyak RM24 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) untuk membina

dewan kuliah pusat dan perpustakaan yang dijangka siap dalam tempoh dua tahun lagi.

Pada majlis itu, pelajar program Ekonomi dan Kewangan Antarabangsa di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa

Labuan (SPKAL), UMS-KAL, Samantha Lee, 23, muncul pelajar terbaik keseluruhan untuk melayakkan dia menerima Anugerah Pingat Emas bernilai RM4,000 dan plak penghargaan.

Dua lagi pelajar SPKAL, Looi Rene dan Lai Wai Yen masing-masing meraih Pingat Perak dan Gangsa yang bernilai RM3,000 dan RM2,000 serta plak penghargaan.

Pembantu Makmal Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Ezy @ Norul Atikah Sabtu memenangi Anugerah Pelajar Terbaik Pusat Luar UMS (PLUMS).

Seramai 41 pelajar menerima Anugerah Pelajar Terbaik Mengikut Kursus, Anugerah Pelajar Terbaik Mengikut Bidang, Anugerah Projek Tahun Akhir Terbaik, Hadiah Buku dan Anugerah Pelajar Terbaik Program.

Turut hadir Pengurus Kanan Audit Risk Management Department,

Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA), Muhamad Akbal Mohd Yunos yang mewakili Ketua Pengarah Labuan FSA, Ahmad Hizzad Baharuddin, Manager Capability and Administration Section Petronas Methanol Labuan, M Nor Wab, Pemangku Dekan SPKAL, Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki, Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Kamisah Husin.

Majlis itu diserikan lagi dengan persembahan nyanyian dan tarian oleh ahli Kumpulan Taming Mas dari UMS Labuan.

Sementara itu, Shariff mengucapkan terima kasih kepada Labuan FSA yang telah menyumbangkan wang tunai sebanyak RM10,000 dan penaja-penaja lain yang memberikan sokongan dan sumbangan bagi menjayakan Majlis Penghargaan Graduan 2011.